

PRODUCT DISCLOSURE SHEET



ZURICH
Takaful

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your Family Takaful. Other customers have read this PDS and found it helpful; **you should read it too.**

1 What is Simpan SSPN Plus?

Date: 08 June 2026

Simpan SSPN Plus is a yearly renewable Group Family Takaful protection plan with monthly contributions. This plan provides coverage for Death, Total and Permanent Disability (TPD), Partial and Permanent Disablement (PPD), Accelerated Critical Illness, Hospital Income Benefit and Funeral Expense benefit.

Applicable Shariah concepts and type of fund(s):

- **Takaful** – Mutual assistance among the members to contribute to Group Family Risk Fund (GFRF) providing Takaful benefit payable to the members or beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events.
- **Wakalah** – Appointment of representative to manage transaction on another person's behalf. In the Takaful contract, We will manage the Certificate and charge Participants/Members an upfront *Wakalah* Fee.
- **Tabarru'** - A sum amount of money being contributed by Participants/Members to GFRF based on the donation contract.
- **Qard** - An interest-free loan provided by Us to GFRF in the event of deficit in the GFRF. The loan will be repaid by GFRF when the GFRF returns to its surplus position.
- **Hibah** - A gift contract that is applicable through surplus sharing from the GFRF to the eligible Participants/Members.
- **Conditional Hibah** - A conditional gift where members agree to transfer ownership of the Takaful benefits payable to the nominee(s) upon the members' death.
- **Ju'alah** - Reward given to Us based on the performance of the GFRF, where the 50% of the net surplus (if any) will be shared with Us after the end of each financial year.
- **Group Family Risk Fund (GFRF)** - The members' holding account into which the *Tabarru'* shall be credited for the purpose of mutual assistance which will be used to help members in need.
- **Accumulated Cash Benefit (ACB)** – The members' holding account for the Contribution after deducting *Wakalah* Fee and *Tabarru'* for the purpose of investment, the distribution of investment profit, if any, and the surplus of the GFRF.

2 Know Your Coverage/Benefits

As an illustration, you will receive the following Family Takaful **coverage/benefits**:

Plan	INTAN (RM)	DELIMA (RM)	TOPAS (RM)	ZAMRUD (RM)	NILAM (RM)	BERLIAN (RM)
Death/TPD Benefit (Natural Causes)	30,000	30,000	30,000	60,000	90,000	600,000
Death/TPD Benefit (Accident)	60,000	60,000	60,000	120,000	180,000	1,200,000
PPD Benefit (All Causes)	10,000	10,000	10,000	20,000	30,000	100,000
Accelerated 36 Critical Illness	12,000	12,000	12,000	24,000	36,000	120,000
Hospital Income Benefit (per day)	25	25	25	50	75	250
Funeral Expense Benefit:						
Person Covered	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	20,000
Spouse (1 only)	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	10,000
Children (per child, up to 3)	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	3,000

Note:

- All benefits are payable from GFRF and are guaranteed.
- **Please ask from your intermediary for a sample Certificate for the full list of terms and conditions.**

The benefit(s) payable under eligible Certificate/product is (are) protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System (TIPS) brochure or contact Zurich Takaful Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Your Family Takaful **excludes**:

- Death / Funeral Expense
 - If due to suicide within 12 months, all contribution made will be refunded.
 - If due to AIDS or other sexually transmitted disease.
 - If due to Natural Causes within three (3) months from the Certificate of Takaful's Effective Date, all contribution made will be refunded. (Applicable to Death Benefit for Berlian Plan only)

- All benefits (including Death/Funeral Expense) - Medical conditions that you had, or had symptoms of, before participating in the plan (i.e. pre-existing condition) within the first twelve (12) months from the Effective Date.
- Accelerated Critical Illness / Hospital Income Benefit – any event which occurs within 30 days or 120 days (depending on the type of Critical Illness or condition) from the Effective Date.

Note: This list is **non-exhaustive**. You must refer to the Certificate for the full list of exclusions.

If you have any questions or require assistance on your Family Takaful, you can:



Call us at
1-300-888-622



Email us at
callcentre@zurich.com.my

3 Know Your Obligations

For this Family Takaful, you must pay a Takaful contribution of:

Plan	INTAN	DELIMA	TOPAS	ZAMRUD	NILAM	BERLIAN
Contribution (monthly)	RM10	RM10	RM10	RM20	RM30	RM300

Duration: 1 year. Yearly renewable up to 64 years old.

You also have to pay the following fees and charges:

Wakalah Fee you have to pay comprises of Service Fee to Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) and management expenses

<i>Wakalah</i> Fee (monthly) (30% of contribution)	RM3	RM3	RM3	RM6	RM9	RM90
Service Fee (monthly) (10% of contribution, this is part of <i>Wakalah</i> Fee.)	RM1	RM1	RM1	RM2	RM3	RM30
Other applicable charges	Tabarru' – A portion of the remaining balance of contribution after deducting <i>Wakalah</i> Fee will be allocated to GFRF as <i>Tabarru'</i> . Tax - Contribution and fees may subject to tax or other government levies, if applicable.					

4 Other Key Terms

- The Person Covered must disclose all material facts such as medical condition (if any) and state their age correctly. Otherwise, they may risk having the claim rejected or Certificate terminated.
- Contribution, *Tabarru'* rates and other charges are not guaranteed. We may revise the rate at the Certificate of Takaful anniversary date by giving 60 days prior written notice to you.
- Grace Period – There is 60 days from the contribution due date to make any contribution. The Certificate of Takaful shall be automatically terminated if Contribution is not received within this period.

Note: This list is **non-exhaustive**. You should refer to the Certificate for the full list of terms and conditions.

Can I cancel my Certificate?

Yes, you may cancel your Certificate by giving a written notice to us.

- **Free-look period:** You may cancel your Certificate within 15 days after your Certificate has been delivered to you. The contribution that you have made (less any medical fee incurred) will be refunded to you.
- **Cancellation/Surrender:** After the free-look period, the Person Covered may cancel the Certificate by giving a written notice to Us. The surrender value will be equal to the value of the Person Covered's ACB Fund, if any. Coverage will continue until the next Contribution Due Date.

Zurich Takaful Malaysia Berhad [Registration No. 200601012246 (731996-H)] is registered under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai Takaful Keluarga anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia membantu; **anda juga patut membacanya.**



1 Apakah Simpan SSPN Plus?

Tarikh: 08 Jun 2026

Simpan SSPN Plus ialah Pelan perlindungan Takaful Keluarga Berkumpulan dengan caruman bulanan yang boleh diperbaharui setiap tahun. Pelan ini memberikan manfaat Kematian, Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK), Hilang Upaya Separa dan Kekal (HUSK), manfaat Penyakit Kritikal (Dipercepatkan), manfaat Pendapatan Hospital dan Khairat Kematian.

Konsep Syariah dan jenis dana yang diguna pakai:

- **Takaful** - Konsep saling membantu antara ahli-ahli untuk memberi caruman kepada Dana Risiko Keluarga Kumpulan (DRKK) bagi manfaat Takaful yang akan dibayar kepada ahli-ahli atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah** - Pelantikan wakil bagi menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, Kami akan menguruskan Sijil dengan mengenakan Yuran *Wakalah* pendahuluan kepada peserta-peserta/ahli-ahli.
- **Tabarru'** - Jumlah wang yang dicarumkan oleh peserta-peserta/ahli-ahli ke dalam DRKK berdasarkan kontrak sumbangan.
- **Qard** - Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Kami kepada DRKK jika berlakunya defisit terhadap DRKK. Pinjaman tersebut akan dibayar semula oleh DRKK apabila DRKK kembali kepada posisi lebihan.
- **Hibah** - Kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan daripada DRKK kepada peserta-peserta/ahli-ahli yang layak.
- **Hibah Bersyarat** - Hadiah bersyarat di mana ahli-ahli bersetuju untuk memindahkan pemilikannya ke atas manfaat Takaful untuk dibayar kepada penama apabila ahli-ahli meninggal dunia.
- **Ju'alah** - Ganjaran diberikan kepada Kami berdasarkan prestasi DRKK, di mana 50% daripada lebihan bersih (jika ada) akan dikongsi dengan Kami pada akhir setiap tahun kewangan.
- **Dana Risiko Keluarga Kumpulan (DRKK)** - Akaun pegangan ahli-ahli yang mana potongan *Tabarru'* akan dikreditkan untuk tujuan bantuan bersama yang akan digunakan untuk membantu ahli-ahli yang memerlukan.
- **Manfaat Tunai Berkumpul (MTT)** - Akaun pegangan ahli-ahli untuk Caruman setelah ditolak Yuran *Wakalah* dan *Tabarru'* bagi tujuan pelaburan, pembahagian keuntungan pelaburan, jika ada, dan lebihan bersih daripada DRKK.

2 Kenali Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan/manfaat Takaful Keluarga berikut:

Pelan	INTAN (RM)	DELIMA (RM)	TOPAS (RM)	ZAMRUD (RM)	NILAM (RM)	BERLIAN (RM)
Manfaat Kematian/HUKK (Sebab Semula Jadi)	30,000	30,000	30,000	60,000	90,000	600,000
Manfaat Kematian/HUKK (Kemalangan)	60,000	60,000	60,000	120,000	180,000	1,200,000
Manfaat PPD (Semua Sebab)	10,000	10,000	10,000	20,000	30,000	100,000
Manfaat 36 Penyakit Kritikal	12,000	12,000	12,000	24,000	36,000	120,000
Manfaat Pendapatan Hospital (setiap hari)	25	25	25	50	75	250
Manfaat Khairat Kematian:						
Orang yang Dilindungi	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	20,000
Pasangan (1 sahaja)	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	10,000
Anak (setiap anak, sehingga 3 orang)	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	3,000

Nota:

- Semua manfaat akan dibayar daripada DRKK dan adalah dijamin.
- **Sila minta daripada pengantara anda untuk mendapatkan contoh Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful Keluarga anda **dikecualikan**:

- Kematian/Khairat Kematian
 - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 12 bulan, semua caruman yang telah dibuat akan dibayar semula.

- o Jika disebabkan AIDS atau penyakit kelamin lain.
- o Jika akibat Semula Jadi berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil Takaful, semua caruman yang telah dibuat akan dibayar semula. (Terpakai kepada Manfaat Kematian untuk Pelan Berlian sahaja)
- Semua Manfaat (termasuk Kematian/Khairat Kematian) - Keadaan perubatan yang anda alami, atau mengalami simptom, sebelum menyertai pelan (iaitu penyakit sedia ada) dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa.
- Manfaat Penyakit Kritikal/Pendapatan Hospital - sebarang kejadian yang berlaku dalam tempoh 30 hari atau 120 hari (bergantung kepada jenis Penyakit Kritikal atau keadaan) dari Tarikh Berkuat Kuasa.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk kepada Sijil bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Takaful Keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Takaful Keluarga ini, anda mesti membayar caruman Takaful sebanyak:

Plan	INTAN	DELIMA	TOPAS	ZAMRUD	NILAM	BERLIAN
Caruman (sebulan)	RM10	RM10	RM10	RM20	RM30	RM300

Tempoh: **1** tahun. Diperbaharui setiap tahun sehingga umur 64 tahun.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Yuran *Wakalah* yang perlu anda bayar terdiri daripada Yuran Perkhidmatan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan perbelanjaan pengurusan.

Yuran <i>Wakalah</i> (sebulan) (30% daripada jumlah caruman)	RM3	RM3	RM3	RM6	RM9	RM90
Yuran Perkhidmatan (sebulan) (10% daripada jumlah caruman, ini adalah sebahagian daripada Yuran <i>Wakalah</i> .)	RM1	RM1	RM1	RM2	RM3	RM30

Caj lain yang dikenakan
Tabarru' – Sebahagian daripada baki caruman selepas menolak Yuran *Wakalah* akan diperuntukkan ke dalam DRKK sebagai *Tabarru'*.
Cukai – Caruman dan yuran mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika dikenakan.

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Orang Yang Dilindungi hendaklah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan (jika ada) dan menyatakan umur dengan betul. Jika tidak, tuntutan mungkin ditolak atau Sijil ditamatkan.
- Caruman, kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. Kami boleh menyemak semula kadar ini pada tarikh ulang tahun Sijil Takaful dengan memberikan notis bertulis 60 hari terlebih dahulu kepada anda.
- Tempoh Ihsan - hanya 60 hari dari tarikh akhir caruman untuk membuat mana-mana caruman. Jika Caruman yang perlu dibayar tidak dibuat dalam tempoh ini, Sijil Takaful ini akan ditamatkan secara automatik selepas tamat Tempoh Ihsan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk Sijil bagi senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

? Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Sijil anda dalam 15 hari selepas penghantaran Sijil. Caruman yang telah dibuat oleh anda (ditolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- **Pembatalan/Penyerahan:** Selepas tempoh bertenang, Orang Yang Dilindungi boleh membatalkan Sijil dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Nilai serahan adalah bersamaan dengan nilai Dana MTT Orang Yang Dilindungi, jika ada. Perlindungan akan diteruskan sehingga Tarikh Caruman Perlu Dibuat yang seterusnya.